



Anwar bersama Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil; Menteri Sumber Manusia, Steven Sim dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad ketika perasmian Majlis Kemuncak National Training Week (NTW) 2024 di Stadium Nasional Bukit Jalil, semalam.

Ada tempat bagi SPM 10A sambung belajar

Kuala Lumpur: Semua lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperoleh keputusan cemerlang 10A dan ke atas serta memohon melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi, akan mendapat tempat tanpa mengira kaum atau latar belakang.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, keputusan itu dicapai Jemaah Menteri pada Jumaat lalu.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menjelaskan, kuota sedia ada untuk pelajar Bumiputera dalam Program Matrikulasi bawah Kementerian Pendidikan (KPM), tidak terjejas dan kekal sebagai-

mana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

“Sebelum ini, apabila anak lulus SPM dan kemudian dengan terbatasnya ruang pendidikan, ia sedikit sebanyak akan menimbulkan isu.

“Maka pada Jumaat lalu, Jemaah Menteri bersidang dan mendengar keluhan rakyat serta meneliti usul, cadangan dan penyelesaian.

“Kerajaan memberi jaminan, pelajar yang mencatat kejayaan (mendapat) 10A atau lebih di semua aliran persekolahan, mereka tanpa kecuali harus diberi

jaminan tempat oleh kerajaan.

“Dengan cara ini, kita dapat meleraikan masalah sementara supaya semangat perpaduan dalam kaum dapat dipupuk serta ditanam bibit (cintakan negara). Saya tidak mahu lagi perkara ini dijadikan sebagai isu kaum,” katanya pada Majlis Kemuncak Minggu Latihan Kebangsaan (NTW) 2024 di Stadium Nasional Bukit Jalil, di sini, semalam.

Menjelaskan lanjut, Anwar berkata, perincian penuh mengenai perkara itu akan diumumkan oleh Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, hari ini.